



SHAIKH SYED ISA SEMAT: Mantan Mufti ini berfikir, apabila kita penuh iktisad kepada kehendak Allah, semua kesetiaan kita akan diampuni Allah. - Foto fail

Shaikh Syed Isa: Manfaatkan berkat dan kelebihan Ramadan

DUA bulan sebelum tiba Ramadan, masyarakat Islam sudah mula rindu dengan bulan Ramadan yang penuh berkat, kata mantan Mufti, Shaikh Syed Isa Semat.

Beliau ada terdengar antara doa yang dibaca oleh sebahagian imam masjid dan orang awam yang turut berdoa agar dipanjangkan umur supaya dapat menyambuti Ramadan yang sangat mulia ini.

Semua ini untuk mendapat kelebihan daripada fadilat dan keberkatan bulan Ramadan.

Shaikh Syed Isa dalam Hikmah Ramadan siaran radio setempat baru-baru ini berkata:

"Alhamdulillah, hari ini kita sudah berada dalam Ramadan yang penuh berkat dan penuh rahmat. Sesungguhnya Ramadan adalah satu bulan yang tertinggi darjatnya di sisi Allah *szt*.

"Oleh kerana kelebihan dan ketinggian marabahnya, ia dinantikan sebagai penghulu bulan-bulan lain. Pada bulan ini, Allah fardukan puasa ke atas umat Islam dan ditakrifkan sebagai wajib yang tidak boleh ditanggalkan."

Beliau memukul firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 193:

"Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat-umat sebelum kamu. Semoga kamu bertakwa."

Di dalam Ramadan juga, Allah telah menurunkan kitab suci Al-Quran dan diujih antara malam-malamnya, satu malam yang dinamakan sebagai lailatulqadar.

Itu adalah lebih utama daripada 1,000 bulan. Kadar 1,000 bulan itu ialah kira-kira 83 tahun.

"Cuba anda renungkan kirsan itu dan sematkan dalam fikiran, tentu dapat anda gamarkan betapa besar ganjaran ini bagi kita. Alhamdulillah," kata Shaikh Syed Isa.

Dalam tazkirah yang bertemakan rahmah dan Ramadan, beliau berkata bahwa Allah sayang orang yang banyak melakukan ketiaan dalam Ramadan dan Allah menjanjikan pengampunan dosa dan pahala yang berlipat ganda kepada hamba-Nya.

Shaikh Syed Isa mengingatkan kita dengan memukul hadid:

"Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan kerana iman dan mengharap pahala daripada Allah, maka dosanya di masa lalu akan diampunkan."

Kata mantan Mufti itu lagi:

"Allah *szt* telah mengingatkan hendaklah kamu bertakwa dan patuhlah kamu kepada suruhan Allah, dan ketahuilah bahawa Allah bersama orang-orang bertakwa atau memelihara diri daripada kejahatan."

Rasulullah *szt* telah mengingatkan kita supaya senantiasa berjaga-berjaga dan jangan dileakkan dengan gangguan syaitan.

Dalam firman Allah yang bererti percaya semuanya kepada janji-janji Allah, Shaikh Syed Isa berkata:

"Apabila kita penuh iktisad kepada kehendak Allah, maka ia akan diampunkan oleh Allah kesemua kesalahan kita.

"Orang yang berkuasa tidak sempurna puasanya kecuali dia menjaga lidahnya daripada berbohong atau matanya daripada melihat yang tidak sesuai atau mendengar kata-kata fitnah yang boleh mencosakkan pahala puasa."

Walau sendiri hidup susah, penerima zakat tetap bantu orang lain

► SHAMSUL JANGARODIN
Penulis sembilan

HAMPIR setiap minggu, Cik Rasidah Ebus meluangkan masa melakukan pelbagai kerja sukarela membantu orang lain.

Ada kalanya, beliau bantu mengagihkan makanan kepada mereka yang memerlukan di sekitar keiranannya bersama Project Goodwill Aid - sebuah kumpulan sukarelawan yang membantu masyarakat kurang bernasib baik.

Ada kalanya pula, Cik Rasidah menyingsing lengan menaib benci di Masjid Jamiyah Ar-Rabitah berdekatan rumahnya di Bukit Merah.

"Saya memang suka tolong orang. Ia membuat saya gembira," ujar Cik Rasidah, 55 tahun.

Namun, dalam beliau menolong orang lain, Cik Rasidah sendiri berdepan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupannya.

Anaknya, Mikail, dilahirkan dengan masalah *celebral palsy*, sejenis penyakit yang menjejaskan otot dan pergerakan. Mikail, yang kini berusia 12 tahun, tidak mampu berjalan dan bercakap, dan perlu diawasi sepanjang masa.

Dia kini menghadiri sekolah bagi kanak-kanak istimewa di Pusat Rainbow.

Setelah berhenti kerja pada 2013 untuk menjadi suri rumah dan mengasak anaknya sepenuh masa, Cik Rasidah mula merasa payah bergantung sepenuhnya pada gaji suaminya yang bekerja sebagai seorang tukang gunting rambut sambilani.

Atas nasihat teman-temannya, beliau telah mendekati Masjid Jamiyah Ar-Rabitah untuk mendapatkan bantuan zakat.

"Duit zakat yang kami dapat buat tolak timbul perbelanjaan harian, air api, lampin pakai buang dan khidmat pengangkutan untuk Mikail ke Pusat Rainbow. Selebihnya kalau ada, kami simpan untuk masa-masa kecemasan.

"Alhamdulillah, kadangkala ada juga orang yang datang dengan makanan lampin pakai buang untuk Mikail," kata Cik Rasidah yang menerima bantuan zakat secara tetap setiap bulan.

Beberapa tahun lalu, beliau berdepan dengan satu lagi dugaan. Cik Rasidah sendiri diserang angin ahmar.

Namun kini, beliau sudah beransur pulih.

"Saya tak mahu 'manjakan' penyakit. Kalau tak, nanti siapa nak jaga Mikail. Jadi saya ushakan buat senaman," kata Cik Rasidah.

Beliau merupakan antara lebih 6,700 keluarga dan in-

dividu yang dibantu Majlis Agama Islam Singapura (Muis) menerusi institusi zakat.

Setiap tahun, separuh daripada zakat yang dikumpulkan pusat-pusat pungutan zakat rasmi di masjid-masjid dan Muis, diagihkan kepada golongan tersebut, khususnya kepada orang-orang yang memerlukan.

Tahun lalu, sekitar S20 juta daripada lebih S40 juta yang dikumpulkan diagihkan bagi tujuan membantu dan memperkasa golongan tersebut.

Ditanya apa yang membuat beliau terus dan gemar membantu orang lain, meskipun beliau seorang penerima bantuan zakat, Cik Rasidah berkata:

"Jangan ingat tentang kesesahan kita. Kita kena tawakal dan reda... jadi tidak terlalu stres," kata Cik Rasidah.

KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT HARTA/FITRAH

SECARA TUNAI ATAU CEK

- a. Di Majlis Agama Islam Singapura (Muis), 273 Braselie Road, Singapura 579702. Cek harus dipangkah dan baysaran ditulis atas nama Muis.
- b. Di masjid-masjid atau Pusat-Pusat Pungutan Zakat Beraulah yang dilantik Muis.
- c. Bayaran Zakat Fitrah dan Zakat Harta boleh dibuat melalui Nisus atau CashCard di steer-stesen AXS yang teresok di serata Singapura.

SECARA ONLINE MELALUI ENETS DEBIT

Sila layan laman www.zakat.sg

SECARA ANSURAN BULANAN MELALUI GIRO

Makluri borang Giro di www.zakat.sg, isi dan hantarkan kepada Muis.

INSTITUSI KEWANGAN - EKSKLUSIF UNTUK PELANGGAN

- a. Portal CIMB Clicks
- b. Akaun Al-Wadiah CCBK
- c. DBS-POSB
 - i. LATA
 - ii. Perbankan Internet
 - iii. Hibas/Internet-banking cbs.com.sg
 - iv. Aplikasi telefon Bijay DBS, POSB atau PayLah!



SEDIA BERKHIDMAT: Selain menjaga anaknya sendiri, Mikail (datari kerusi sorong), yang mengalami *celebral palsy*, Cik Rasidah turut membuat kerja-kerja kaajikan hampir setiap minggu. - Foto MEDIACORP

ZULFA
2020 REGISTRATION

KINDERGARTEN Programme: 3 - 6 years old
Integrated Thematic Approach Experiment & Discovery

Islamic Knowledge Language Arts
Creative Thinking Skills

Registration Open On
23 April 2019

MADRASAH Programme: 5 - 21 tahun

01 Madrasah Pra-Sekolah
02 Madrasah Peringkat Rendah
03 Madrasah Peringkat Remaja/Dewasa
04 Diploma Pengajian Islam

Registration Open On
15 May 2019

Layari website kami untuk pendaftaran : Zulfa.edu.sg
Sila hubungi cawangan berdekatan untuk maklumat lanjut!

Zulfa Centres Hotlines

Sembawang: 6758 3739	Jurong West: 6791 2080
Choa Chu Kang: 6766 9377	Pasir Ris: 6582 7965

NIKMATI BERITA TERKINI WALAU DI MANA SAHAJA!

LANGGANI PAKAJ BH Semua-Dalam-Satu
Akhbar | Online | iPad | Android

\$18.99 SEBULAN

Perlu addl servis teknik servis mudah

BELUM MUAT TURUN APLIKASI BERGERAK BH.sg?

Berkemampuan dari
Google Play | App Store

Tajir di peak order
Beritalharian.sg

* Tidak termasuk / dan pendaftaran S3 hingga S5 memuat / dan kos untuk perlanggan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi www.bh.sg atau telefon 6388-3638

Ramadan ini,
baca akhbar Berita Harian dan dapat ganjaran!

Jadi antara pemenang bertuah minggu hadiah **Philips Breadmaker (6000s)** dengan mengahantar kod kupon harian!

Kod Hari ini: **BH4568**

Cara Mengambil Bahagian
SMS kod kupon harian ke 8899 8790

Kod Hari ini: **nama-nama-nama-NRIC (3 nombor terakhir-huruf) +@BH-SUNSHINE +@-E-mail**
Contoh: **BH0985 S@ 396J BH-SUNSHINE @S0204@gmail.com**

Kod bagi setiap hari sah sehingga 11.59 malam pada hari tersebut. 1 kod kupon memberi anda 1 peluang untuk menang. Cabutan bertuah mingguan tutup pada 11.59 malam setiap hari (13, 20, 27 Mei, 3 Jun) dan pemenang akan diumumkan secara langsung. 1 pemenang setiap minggu, secara mingguan 4 minggu. Bagi semua dan syarat lanjut, sila layan tshb.sg/ra

Berminat \$309

Beritalharian.sg

beritalharian.sg/galeri-video